

# PERKEMBANGAN HOSPITAL KUALA LUMPUR, 1973-2016

Siti Zubaidah Mat Sulaiman  
Abu Hanifah Haris\*

## Abstrak

Hospital Kuala Lumpur (HKL) merupakan sebuah hospital yang terletak di Semenanjung Malaysia dan berada di tengah-tengah bandar raya Kuala Lumpur. Kajian ini bertujuan menjelaskan perkembangan yang berlaku ke atas HKL dari tahun 1973 sehingga 2016. Objektif kajian ini ialah membincangkan aspek pengurusan dan pentadbiran yang telah dijalankan oleh HKL serta masalah yang dihadapi HKL. Akhir sekali, kajian ini turut menilai kesan HKL menjadi hospital tenaga pengajar bagi pelajar yang mengambil mengikuti Fakulti Perubatan di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) bermula tahun 19973. Kajian berakhir pada tahun 2016 kerana pada tahun tersebut, HKL telah diberi penganugerahan *Best Hospital Brands Malaysia*. Kepentingan kajian ini adalah untuk menjelaskan perkembangan HKL selepas Tanah Melayu mencapai kemerdekaan, serta perkembangan HKL dalam aspek pembangunan infrastruktur dan khidmat pengurusan sepanjang penubuhannya. Akhir sekali, metodologi kajian yang digunakan adalah pendekatan kualitatif yang melibatkan kajian terhadap sumber primer seperti fail dan akhbar, selain sumber sekunder seperti buku dan artikel jurnal. Kajian menunjukkan bahawa HKL memainkan peranan penting dalam merawat ramai pesakit khususnya penduduk Kuala Lumpur, selain berjaya merawat pelbagai penyakit kronik dengan penggunaan pelbagai peralatan moden.

**Kata kunci:** Hospital Kuala Lumpur, UKM, Fakulti Perubatan, pengurusan, pentadbiran

## Pengenalan

Hospital adalah tempat bagi merawat pesakit sama ada kes yang melibatkan pesakit luar atau kes kecemasan. *General Hospital* atau lebih dikenali sebagai Hospital Kuala Lumpur (HKL) pula merupakan hospital besar utama yang terletak di tengah-tengah bandar Kuala Lumpur,

---

\* Siti Zubaidah Mat Sulaiman ialah lulusan Ijazah Sarjana Muda Sastera Sejarah di Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, Kuala Lumpur dan Dr. Abu Hanifah Haris ialah Pensyarah Kanan, dan Ketua Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Malaysia dan antara hospital yang terbesar di rantau Asia Tenggara. HKL telah dibangunkan di atas sebidang tanah seluas 150 ekar yang bersempadan dengan Jalan Tun Razak di utara, Jalan Pahang di barat, Jalan Raja Muda Abdul Aziz di selatan dan Lorong Raja Muda Aziz di timur.

Artikel ini bertujuan membincangkan perkembangan HKL dari tahun 1973 sehingga tahun 2016. Kajian dimulakan pada tahun 1973 kerana pada tahun tersebut, HKL mula berfungsi sebagai hospital pengajar untuk mengajar pelajar perubatan yang belajar di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Kajian ditamatkan pada tahun 2016 kerana pada tahun tersebut HKL telah dianugerahkan *Best Hospital Brand Malaysia*. Seterusnya artikel ini juga dijalankan bagi mengkaji aspek pengurusan dan pentadbiran yang telah dijalankan oleh HKL. Kajian ini turut menjelaskan tentang latar belakang penubuhan HKL sejak dari awal pengoperasiannya serta turut membincangkan aspek pengurusan dan pentadbiran yang telah dijalankan di HKL. Pada masa yang sama, kajian juga akan turut membincangkan berkenaan dengan masalah dan cabaran yang dihadapi oleh HKL bersama langkah-langkah yang diambil oleh institusi tersebut bagi mengatasi setiap permasalahan yang timbul. Kemudian, kajian juga turut menjelaskan tentang kesan penubuhan HKL terhadap pencapaian dan kemajuan terhadap HKL.

## Latar Belakang Penubuhan Hospital Kuala Lumpur

Pada awal penubuhannya iaitu pada tahun 1870, hospital ini merupakan sebuah hospital daerah, sebelum dikenali sebagai *General Hospital* atau Hospital Besar. Namun, istilah tersebut tidak lagi digunakan bagi mengelak berlakunya kekeliruan masyarakat terhadap hospital kerajaan di Malaysia disebabkan gambaran yang kurang tepat sekiranya Kementerian Kesihatan menggunakan istilah “Hospital Besar”. Sebagai contoh, di Lembah Klang, Hospital Kuala Lumpur (HKL) dahulunya dikenali sebagai Hospital Besar Kuala Lumpur yang menyediakan pelbagai perkhidmatan kepakaran dan sub-kepakaran. Pada masa itu, terdapat juga hospital-hospital baru di Lembah Klang seperti Hospital Sungai Buloh, Hospital Serdang, Hospital Ampang, dan Hospital Putrajaya yang turut menyediakan perkhidmatan kepakaran serta sub-kepakaran yang setanding dengan perkhidmatan yang terdapat di HKL. Oleh itu, untuk mengelakkan berlakunya salah faham masyarakat, maka pihak Kementerian Kesihatan tidak lagi menggunakan istilah “Hospital Besar” sebaliknya menukarkannya dengan nama yang baru iaitu Hospital Kuala Lumpur (HKL).<sup>1</sup>

HKL pada awal penubuhannya hanya mengandungi tiga buah wad sahaja. Setiap wad ini diasingkan mengikut bangsa iaitu Wad Tai Wah untuk pesakit berbangsa Cina, dan Wad Melayu untuk pesakit yang berbangsa Melayu serta pesakit berbangsa India. Manakala, satu lagi wad yang dikenali sebagai Wad Choudry merupakan wad khas yang disediakan untuk pesakit berbangsa Inggeris.<sup>2</sup> Wad ini diletakkan secara berasingan di Hospital Bangsar. Bagi kakitangan kerajaan juga turut disediakan wad berasingan yang terletak di Hospital Tanglin, Kuala Lumpur. HKL juga menjadi tumpuan pesakit di Kuala Lumpur pada peringkat awal,

1 Pemberitahuan Pertanyaan Dewan Negara Jawapan Oleh Y.B. Dato’ Liow Tiong Lai, Menteri Kesihatan Malaysia, No. 40, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.

2 Lihat “HKL is the Crown Jewel Among Malaysia’s Public Hospitals”, *The Malaysian Reserve*, 27 Oktober 2022.

termasuklah golongan wanita. Pada tahun 1913, dilaporkan terdapat 1,160 orang pesakit wanita yang mendapat rawatan di sana berbanding 914 orang wanita pada tahun 1912.<sup>3</sup>

Namun, sekitar tahun 1920-an, HKL telah dinaiktaraf secara beransur-ansur sehingga menjadi 25 buah wad dan dibahagikan kepada tiga kelas utama iaitu kelas pertama yang terletak di Bangsar, kelas kedua dan juga kelas ketiga. Di dalam kawasan HKL ini juga terdapat Institusi Penyelidikan Perubatan (IMR) dan Institusi Pediatrik. Selain itu, Persatuan Perubatan Malaysia juga turut terletak di hospital ini. Meskipun pada tahun 1937 kerajaan kolonial British telah meluluskan cadangan untuk membina hospital baru yang lebih moden setinggi lima tingkat berhampiran HKL,<sup>4</sup> namun kedudukan dan fungsi HKL tetap penting sebagai hospital tertua dan terancang di Tanah Melayu ketika itu.

Usaha bersepadu untuk membangunkan HKL telah dilaksanakan selepas kemerdekaan Tanah Melayu pada tahun 1957. Kerajaan Persekutuan dilihat mula memperluaskan pembangunan HKL pada tahun 1964-1970 dengan melakukan pertambahan kemudahan katil sebanyak 900 buah secara berperingkat. Bahkan pembangunan HKL turut diperluaskan mengikut beberapa fasa;

1. Pada fasa satu (1962- 1968) - pembinaan hospital bersalin, blok *North Ward*, Jabatan Radioterapi dan beberapa asrama untuk kakitangan. Hospital Bersalin ini telah dirasmikan oleh Raja Permaisuri Agong iaitu Tengku Budriah binti Almarhum Tengku Ismail pada 18 Januari 1963.
2. Fasa kedua (1968-1972), apabila Institut Neurologi telah dibina bersama-sama dengan Blok Pembedahan, Blok Radiologi, Pusat Transfusi Darah Kebangsaan dan pembinaan asrama tambahan untuk para kakitangan yang berkhidmat di HKL.<sup>5</sup>
3. Fasa ketiga (1972-1973), klinik-klinik pakar, jabatan pesakit luar dan asrama doktor turut dibina.
4. Fasa keempat (1973-1974), asrama pelatih jururawat dan rumah kelab telah ditambah dan
5. Fasa kelima (1975), beberapa lagi institut turut dibina antaranya Institut Ortopedik, Institusi Urologi, Pusat Anggota Tiruan, dan juga Blok Radiologi.

Selain menjadi tempat untuk merawat pesakit pada tahun 1973, HKL turut berfungsi menjadi hospital pengajar untuk para pelajar dari Fakulti Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Para pelatih perubatan telah ditempatkan di bangunan kayu di Kompleks Hospital Kuala Lumpur (HKL). Namun, pada tahun 1977, bangunan tetap Fakulti Perubatan telah dibina bersebelahan HKL dan tidak lagi menggunakan bangunan kayu di Kompleks HKL. Dengan bantuan tenaga pengajar HKL maka pada tahun 1979, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) telah berjaya menghasilkan kumpulan pertama Doktor Perubatan UKM.<sup>6</sup>

3 Mohd Hairulhazan Rosli & Noraini Mohamed Hassan, "Hospital Bersalin Cina Kuala Lumpur, 1913-1941: Analisis Terhadap Aspek Pengurusan dan Kewangan", *Sejarah*, No. 30, Bil. 2, 2021, hlm. 45.

4 Lihat "Five-Storeyed Hospital for Kuala Lumpur: Plans Ready", *The Straits Times*, 16 Disember 1937, hlm. 13.

5 Lihat "HKL is the Crown Jewel Among Malaysia's Public Hospitals", *The Malaysian Reserve*, 27 Oktober 2022

6 HCM, Sejarah Penubuhan, <https://hctm.ukm.my/sejarah-penubuhan/> (diakses pada 8 Januari 2023).

Pembangunan HKL dilihat kian berkembang kerana sehingga tahun 2016, hospital ini mempunyai 49 buah jabatan termasuk unit-unit lain. Ini termasuklah Jabatan Pentadbiran dan Kewangan, Jabatan Farmasetikal, Latihan dan Penyelidikan, 23 buah jabatan klinik, dan 11 buah klinik perkhidmatan sokongan. HKL kini merupakan sebuah hospital terbesar yang berada di bawah pentadbiran Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Ini terbukti apabila HKL telah dianggap sebagai salah sebuah hospital yang terbesar di rantau Asia Tenggara (ASEAN).<sup>7</sup>

Berikutan daripada penambahan jumlah jabatan di HKL, maka hospital tersebut telah mempunyai kakitangan dengan jumlah yang sangat besar iaitu seramai 7,000 orang dengan hampir 100 bidang pekerjaan terdapat di HKL ini.<sup>25</sup> Selain daripada jumlah bilangan kakitangan, terdapat lebih kurang 200 orang perunding dan juga pakar yang merawat pesakit di HKL, 500 orang pegawai perubatan dan pendaftar, 10 orang matron, 100 orang pengurus wad, 1,600 orang jururawat terlatih dan 40 orang bidan-bidan terlatih. Baki kakitangan adalah ahli farmasi, penolong ahli farmasi, pembantu perubatan, kakitangan pentadbiran dan pengiring-pengiring hospital.<sup>8</sup>

### Pentadbiran Hospital Kuala Lumpur

Sejajar dengan penubuhan Hospital Kuala Lumpur (HKL), maka struktur organisasi HKL juga turut dibentuk sesuai dengan dasar dan tugas-tugas bagi pelaksanaan yang lebih teratur dan berkesan. Struktur organisasi HKL merupakan bahagian yang menunjukkan unit-unit yang terdapat di HKL itu sendiri. Setiap unit-unit tersebut mempunyai tugas yang tersendiri dan bertanggungjawab dengan setiap tugas yang diberikan bagi memudahkan lagi pengoperasian HKL.

Dalam aspek pentadbiran, HKL diketuai oleh seorang pengarah. Pengarah pertama HKL ialah Dr. Ernest Aston Atho Travers, *Resident Surgeon Selangor* (1887-1908). Manakala, pengarah seterusnya adalah seperti Jadual 1.1 di bawah.<sup>9</sup>

**Jadual 1.1: Senarai Nama Pengarah HKL, 1887-2018**

<b>Nama Pengarah</b>	<b>Tempoh Perkhidmatan</b>
Dr. Esnet Aston Atho Travers	1887-1908
Dr. Jap Cameron	1949-1952
Dr. O Malley'	1952-1955
Dr. Donald Gun	1955-1957
Tan Sri Dr. Abdul Majid Ismail	1958-1969
Tan Sri Dr. R.P Pillay	1969-1980
Dato' Dr. Abdul Majid	1980-1983
Dr. Jones Varughese	1983-1984

7 Zulkifli Manzor & Nor Syariza Muhd. Tahir, "HKL Bertaraf Dunia Pada 2015", *Kosmo*, 15 Mac 2013, hlm. 6.

8 *Ibid.*

9 Hospital Kuala Lumpur, *Sempena 150 Tahun HKL Merentasi Masa Mencipta Kecemerlangan Di Pentas Global 1870-2020*, Kuala Lumpur: Wilayah Persekutuan, 2021, hlm. 12.

<b>Nama Pengarah</b>	<b>Tempoh Perkhidmatan</b>
Datuk CGA Fonseka	1984-1991
Dato' Dr. Hajjah Azizan Binti Aiyub	1992-1994
Dato' Dr. Megat Burnanuddin	1988-1992
Dato' Dr. Aziz Bin Mahmood	1994-1996
Dr. Lim Kuan Joo	1995-1998
Dato Dr. Hj. Ahmad Tajuddin Bin Jaafar	1998-1999
Dr. Hj. Abdul Razak Bin Hj. Kechik	1999-2001
Dr. Hj. Ramlee Bin Rahmat	2001-2003
Dr. Hj. Jalal Bin Halil Khalil	2003-2005
Datuk Dr. Azmi Bin Shapie	2005-2006
Dato Dr. Zaininah Binti Mohd. Zain	2006-2017
Datin Dr. Nor Akma Binti Yusuf	2018-2018

Sumber: Hospital Kuala Lumpur, *Sempena 150 Tahun HKL Merentasi Masa Mencipta Kecemerlangan Di Pentas Global 1870-2020*, Kuala Lumpur: Wilayah Persekutuan, 2021.

### **Perkhidmatan Perubatan Yang Ditawarkan Hospital Kuala Lumpur**

HKL juga telah menerima pelbagai kes rujukan dari luar negeri khususnya Selangor kerana berdekatan dengan HKL. HKL turut menawarkan pelbagai perkhidmatan kepada para pesakit sama ada yang melibatkan pesakit dalam atau pesakit luar. Oleh itu, terdapat pelbagai klinik mahupun pusat rawatan yang telah dibina bagi kemudahan orang ramai. Namun begitu, HKL juga tidak ketinggalan dalam menyediakan pelbagai jabatan atau unit-unit lain selaras dengan objektifnya bagi menjadikan HKL sebagai sebuah hospital yang dapat membantu lebih ramai pesakit dalam mendapatkan rawatan kesihatan. Unit-unit yang dibangunkan ini bertanggungjawab dalam memastikan pengurusan dan pentadbiran HKL sentiasa dalam keadaan yang terkawal. Penubuhan unit-unit ini sangat diperlukan kerana dapat menawarkan pelbagai perkhidmatan kesihatan terhadap pesakit mengikut perkembangan semasa.

Unit yang terdapat pada bahagian perubatan adalah Unit Perubatan Am yang merupakan unit terbesar ditubuhkan di HKL pada tahun 1870. Pada awal penubuhannya, unit ini hanyalah berfungsi sebagai sebuah klinik pesakit luar dan mempunyai dua wad sahaja yang dikenali sebagai Wad P1 dan P2. Namun, sejak dari itu Unit Perubatan Am ini mula berkembang dan kini menjadi klinik pakar serta mempunyai 22 wad perubatan yang dilengkapi dengan 495 buah katil, selain mempunyai kira-kira 1000 kakitangan yang terdiri daripada pelbagai kategori.<sup>11</sup> Objektif penubuhan unit ini adalah bagi mengubati penyakit dan mewujudkan kesedaran tentang penyakit dan kesihatan yang merupakan aset yang tidak ternilai, di samping menggalakkan masyarakat untuk mengekalkan hidup yang lebih sihat bagi mencegah penyakit dan komplikasi pada masa akan datang.<sup>12</sup>

10 Pada tahun 1908-1943, tiada data yang sahih mengenai pengarah HKL yang menggantikan Dr. Esnet Aston Atho Travers sebagai pengganti beliau selepas bersara.

11 Kuala Lumpur Hospital, Kementerian Kesihatan Malaysia, <http://hkl.moh.gov.my/>

12 *Ibid.*

Unit pada bahagian perubatan yang seterusnya adalah Unit Nefrologi. Unit ini telah berjaya melakukan pemindahan buah pinggang (*renal*) yang pertama pada tahun 1975 di Malaysia.<sup>13</sup> Bermula dari situ dapat dilihat bahawa jumlah pembedahan pemindahan buah pinggang kian meningkat saban tahun. Bukan itu sahaja, Unit Nefrologi ini juga berjaya memenangi anugerah pencapaian terbaik pusat transplan HKL kerana telah berjaya melakukan pemindahan buah pinggang sejak dari tahun 1975 lagi. Kejayaan unit ini secara tidak langsung telah menaikkan lagi nama HKL.<sup>14</sup>

Selain itu, Unit Neurologi atau saraf di Hospital Kuala Lumpur telah bermula sejak tahun 1963 lagi oleh Dr. Roy Clifton Selby di bawah program yang diberi nama *CARE/MEDICO* Amerika Syarikat. Namun, perkembangan perkhidmatan neurologi ini dilihat kurang memberangsangkan berikutan HKL kekurangan pakar Neurologi pada awalnya.<sup>15</sup> Sekitar tahun 1971, rawatan Neurologi ini kian berkembang setelah seorang pakar Neurologi dari Switzerland iaitu Dr. Hans Isler mula berkhidmat di HKL dan kemudiannya diikuti oleh pakar tempatan iaitu Dr. C. Balaratnam. Seiring dengan objektif Unit Neurologi iaitu menyediakan rawatan yang berkualiti, efisien, kos efektif dan menggunakan rawatan yang terkini, bergerak maju sejajar dengan kemasukan para pakar dan pembukaan Institusi Kaji Saraf Tunku Abdul Rahman (IKTAR) pada tahun 1973.<sup>16</sup>

Unit Dermatologi di HKL telah ditubuhkan pada tahun 1969.<sup>17</sup> Objektif penubuhan unit ini kerana adanya keperluan untuk membanteras penyakit kulit di negara ini. Hal ini dikatakan demikian kerana penyakit tersebut dilihat kian berleluasa di Malaysia pada ketika itu. Antara kepentingan utama unit ini adalah menyediakan rawatan untuk semua pesakit yang menghidap penyakit kulit bagi mengurangkan mobiliti fizikal dan sosial sekali gus dapat meningkatkan status kesihatan diri.<sup>18</sup> Selain itu, unit ini juga dapat memberikan pendedahan kepada pesakit tentang pengurusan penyakit kulit yang dihadapi oleh mereka melalui pendidikan serta kaunseling kesihatan daripada pihak yang bertauliah.<sup>19</sup> Seterusnya, meningkatkan pengetahuan dan kepakaran para pelajar dan doktor pakar tentang penyakit kulit. Akhir sekali, unit ini turut menyediakan pusat rujukan untuk pesakit dan menawarkan rawatan yang holistik bagi memastikan penjagaan penyakit kulit yang dihadapi oleh pesakit sentiasa dalam keadaan yang baik.<sup>20</sup>

Unit terakhir pada bahagian perubatan adalah Unit Psikiatri dan Kesihatan Mental yang ditubuhkan pada 1971 di bawah pimpinan Dr. Haji Syed Mohamed Haq merangkap ketua jabatan yang pertama di unit tersebut. Unit Psikiatri dan Kesihatan Mental ini telah

---

13 Hospital Kuala Lumpur, *Sempena 150 Tahun HKL Merentasi Masa Mencipta Kecemerlangan Di Pentas Global 1870-2020*, hlm. 217.

14 *Ibid.*

15 Kuala Lumpur Hospital, Kementerian Kesihatan Malaysia, <http://hkl.moh.gov.my/> (diakses pada 15 Jun 2023)

16 *Ibid.*

17 *Ibid.*

18 Emelia Arquilla & Jill Seladi-Schulman, *What's the Difference Between Morbidity and Mortality?*, 11 November 2020. Morbiditi merupakan keadaan yang mempunyai penyakit tertentu seperti jangkitan pernafasan dan sebagainya. Morbiditi juga merujuk kepada keadaan yang kronik. <https://www.healthline.com/health/morbidity-vs-mortality#morbidity> (diakses pada 17 Jun 2023).

19 Kuala Lumpur Hospital Kementerian Kesihatan Malaysia, <http://hkl.moh.gov.my/> (diakses pada 15 Jun 2023).

20 *Ibid.*

ditubuhkan di Institut Neurosains Tunku Abdul Rahman (IKTAR). Objektif penubuhan unit ini untuk menyediakan rawatan psikiatri kepada para pesakit di kawasan sekitar Kuala Lumpur.<sup>21</sup> Sekitar tahun 1976, unit ini telah mempunyai 82 buah katil dan menjadi sebuah pusat rawatan terbesar untuk merawat penyakit mental.<sup>22</sup> Seiring dengan perkembangan waktu dan masa, maka Unit Psikiatri di HKL ini kian berkembang pesat dan maju serta telah menjadi pusat rujukan dan latihan bagi penyakit psikiatri di Malaysia.

Di samping itu, selain daripada unit yang terdapat di bahagian perubatan terdapat juga beberapa unit di bahagian perkhidmatan. Antaranya adalah Unit Sumber Manusia yang berfungsi untuk menguruskan hal-hal yang berkaitan dengan perkhidmatan pegawai dari mula dilantik hinggalah ke akhir perkhidmatannya. Terdapat tiga objektif bagi Unit Sumber Manusia iaitu memastikan perancangan dan pembangunan organisasi yang mantap dan efektif. Seterusnya, memastikan agar pengurusan perkhidmatan Sumber Manusia yang cekap dan berkesan. Akhir sekali, memastikan supaya keutuhan organisasi dan Sumber Manusia yang kompeten, berdisiplin dan bermotivasi.<sup>23</sup>

Selain itu, adalah Unit Pentadbiran yang mana pada awal penubuhan HKL sekitar tahun 1870, cawangan pentadbiran Am HKL terdiri daripada tiga unit sahaja iaitu Unit Pentadbiran Am, Unit Pengangkutan dan Unit Stor. Namun, seiring dengan perkembangan pembangunan infrastruktur HKL maka cawangan pentadbiran HKL kini telah ditambah menjadi enam unit yang terdiri daripada Unit Urusetia, Unit Premis Demis, Unit Pentadbiran Am, Unit Stor, Unit Pengangkutan dan Unit Hal Ehwal Islam. Unit pentadbiran ini terletak di bangunan pentadbiran dan kewangan HKL di tingkat 4. Unit ini juga bertanggungjawab untuk menyediakan perkhidmatan dan kemudahan am kepada kakitangan HKL termasuk juga kemudahan orang awam dan menguruskan hal-hal pentadbiran hospital. Antara misi Unit Pentadbiran adalah menjadikan cawangan pentadbiran HKL lebih cekap, dan menyediakan perkhidmatan yang berkesan dan berkualiti. Manakala, objektif unit ini adalah menyediakan perkhidmatan dan kemudahan kepada kakitangan HKL dan orang awam.<sup>24</sup>

Seterusnya, Unit Kewangan HKL merupakan salah satu unit yang berperanan penting untuk memastikan pengurusan kewangan dan akaun HKL sentiasa berada dalam keadaan yang teratur serta menjadi tunjang utama dalam operasi pengurusan HKL.<sup>25</sup> Hal ini demikian kerana HKL merupakan sebuah hospital awam terbesar di Malaysia dan juga antara hospital yang terbesar di Asia Tenggara. Oleh yang demikian, penubuhan Unit Kewangan ini amat penting seiring dengan objektif unit ini sendiri iaitu memberikan perkhidmatan kewangan yang cekap serta berkesan terhadap jabatan, atau aktiviti mengikut piawaian dan peraturan kewangan yang ditetapkan oleh pihak HKL.

Menjelang tahun 1988, perkhidmatan kepakaran ditawarkan di hospital lain di seluruh negara agar HKL tidak lagi menjadi tumpuan utama pesakit dari seluruh negara untuk

21 Ezham Aliff Danial bin Amran, 'Perkembangan Hospital Bahagia Ulu Kinta', Latihan Ilmiah B.A., Universiti Malaya, 2021/2022, hlm. 22.

22 Kuala Lumpur Hospital, Kementerian Kesihatan Malaysia <http://hkl.moh.gov.my/> (tarikh diakses pada 2 Jun 2023)

23 *Ibid.*

24 Kuala Lumpur Hospital, Kementerian Kesihatan Malaysia, <http://hkl.moh.gov.my/> (diakses pada 28 Februari 2023).

25 *Malaysia National Health Accounts Health Expenditure Report 2006-2020*, hlm. 19.

mendapatkan khidmat doktor pakar.<sup>26</sup> Langkah ini bukan sahaja dapat mengurangkan kesesakan di HKL yang menerima ramai pesakit luar setiap hari, tetapi juga dapat mengurangkan jumlah pesakit yang mahu mendapatkan khidmat doktor pakar di HKL kerana mereka boleh mendapatkan perkhidmatan tersebut di hospital lain di seluruh negara.

### Masalah Yang Dihadapi Hospital Kuala Lumpur

Selain daripada meneliti aspek-aspek yang lain di Hospital Kuala Lumpur, aspek masalah atau cabaran yang dihadapi juga merupakan antara aspek yang menarik untuk dibincangkan memandangkan masalah dan cabaran inilah yang mendorong pengurusan HKL untuk sentiasa melakukan pelbagai perubahan yang terbaik demi menjamin kesihatan masyarakat yang menghidap penyakit di Malaysia. Dalam bahagian ini, pengkaji akan membahagikan cabaran-cabaran tersebut mengikut aspek cabaran dalaman dan juga cabaran luaran. Bagi cabaran dalaman, masalah yang paling utama berkaitan hal ehwal kewangan dan juga masalah pengurusan dan pentadbiran. Manakala, bagi aspek cabaran luaran pula, huraian akan diberikan terhadap persepsi masyarakat tempatan.<sup>27</sup>

Isu kewangan merupakan masalah utama bagi HKL. Sejak awal penubuhan HKL peruntukan kewangan yang besar diperlukan untuk menampung segala kos perbelanjaan meliputi kos perawatan, alatan perubatan, kos pembangunan dan infrastruktur yang masih tidak selesai.<sup>28</sup> Selepas merdeka, hospital kian menjadi tumpuan pesakit-pesakit kerana mereka mula percaya akan rawatan moden yang digunakan oleh pihak hospital. HKL menghadapi masalah kekurangan peralatan, dan bekalan ubat-ubatan. Oleh itu, pihak HKL telah merangka bajet untuk pembangunan dan mengurus HKL yang diperlukan pada tahun 1974 iaitu sebanyak \$24,633,000.<sup>29</sup> Berdasarkan analisis, bajet yang dikemukakan oleh pihak pentadbiran HKL pada tahun 1974 telah mendapat kelulusan apabila satu surat kelulusan telah dikeluarkan pada 19 April 1975 oleh Pengarah Kementerian Kesihatan Malaysia Kuala Lumpur iaitu Dr. C. Ponsel kepada Pengarah Hospital Besar Kuala Lumpur. Menjelang Oktober 1974. KKM bersetuju untuk meluluskan tuntutan bajet yang dibuat oleh HKL.<sup>30</sup> Pihak KKM menyatakan bahawa pihak HKL perlu mempercepatkan proses membeli alat-alat kelengkapan perubatan yang berharga kurang daripada \$500. KKM turut meluluskan peruntukan kewangan sebanyak \$203,000,000 bagi membeli alat-alat yang bukan perubatan (*non-medical*) dan alat-alat perubatan. Peruntukan tersebut termasuk pembelian alat-alat kelengkapan perubatan yang berharga kurang daripada \$500.<sup>31</sup> Oleh itu, KKM mengharapkan HKL tidak lagi perlu bimbang akan kekurangan peralatan perubatan untuk merawat pesakit dan dapat memberikan fokus sepenuhnya kepada pesakit yang datang ke HKL untuk mendapatkan rawatan.

Seterusnya, penyediaan peti simpanan mayat yang tidak mencukupi juga menjadi masalah yang dihadapi oleh HKL. Berdasarkan laporan dalam akhbar *Sinar Harian* bertarikh

26 Lihat "Hospitals Outside KL to Have Specialist Services", *The Straits Times*, 29 Julai 1988.

27 Hospital Kuala Lumpur, *Sempena 150 Tahun HKL Merentasi Masa Mencipta Kecemerlangan Di Pentas Global 1870-2020*, hlm. 97.

28 *Ibid.*

29 *Ibid.*

30 *Ibid.*, hlm. 105.

31 *Ibid.*

1 April 2021 terdapat sebanyak 1,476 mayat yang tidak dituntut oleh ahli keluarga dan waris si mati di Hospital Kuala Lumpur (HKL) sejak lima tahun lalu dan separuh daripadanya merupakan mayat warga tempatan.<sup>32</sup> Menurut Pakar Forensik HKL iaitu Dr. Siti Wira Md Yaro mengikut prosedur operasi standard yang ditetapkan, setiap mayat yang telah mati dan tidak dituntut sepatutnya perlu disemadikan selepas 14 hari.<sup>33</sup> Namun, terdapat juga kes di mana proses persemadian tersebut tidak dapat dilakukan dan berlanjutan sehingga berbulan lamanya bagi tujuan pengesahan identiti dan pencarian waris si mati. Keadaan ini menyebabkan peti simpanan mayat di Pusat Perubatan Forensik HKL menjadi penuh dan mayat lain yang masih baru terpaksa disimpan di fasiliti lain. Berdasarkan Garis Panduan Perkhidmatan Perubatan Forensik 2012, mayat yang tidak dituntut dalam tempoh masa 14 hari selepas pendaftaran akan dilupuskan mengikut prosedur kerja. Namun, pihak HKL mengalami kesulitan kerana proses mengenal pasti identiti mayat adalah rumit yang tidak hanya melibatkan HKL sahaja, tetapi juga turut melibatkan jabatan-jabatan yang lain seperti Jabatan Pendaftaran Negara, Jabatan Imigresen dan kedutaan asing jika mayat tersebut adalah warga asing. Proses siasatan yang memakan masa yang lama untuk diselesaikan menyebabkan mayat tidak dituntut tersebut terpaksa disimpan lama di dalam peti mayat di HKL.<sup>34</sup> Disebabkan ini juga maka pihak HKL menghadapi masalah dalam memastikan agar peti mayat tersebut sentiasa mencukupi bagi menampung kehadiran mayat yang baharu.

Selain itu, kekurangan katil pesakit juga antara masalah yang dihadapi oleh HKL berikutan meningkatnya kes wabak demam Denggi. Pada tahun 1992, unit kawalan vektor iaitu sebuah unit yang ditubuhkan untuk mencegah dan mengawal penyakit-penyakit bawaan vektor telah melaporkan sebanyak 2,337 kes demam denggi dan demam Denggi berdarah di Kuala Lumpur dengan 11 kematian telah direkodkan.<sup>35</sup> Daripada sejumlah 2,337 kes yang direkodkan, 1,988 kes (85.07%) ialah kes Demam Denggi klasikal dan 349 kes (14.93%) pula adalah kes Demam Denggi Berdarah. Berdasarkan analisis yang dibuat, Jumlah pesakit yang ramai ini dirawat di HKL terjadi kerana hospital tersebut merupakan hospital yang paling hampir dengan penduduk di kawasan Kuala Lumpur. Ini telah menyebabkan HKL kekurangan katil untuk menempatkan pesakit-pesakit.

## Transformasi Hospital Kuala Lumpur

Pada tahun 1973, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) telah menubuhkan Fakulti Perubatan dan memulakan sesi pengajian dengan pengambilan pelajar seramai 44 orang. Pelajar-pelajar yang terpilih juga telah ditapis sehabis baik dari segi akademik dan ko-kurikulum sebelum mereka diserap masuk ke Fakulti Perubatan UKM. Pada awal penubuhan fakulti tersebut, kampus induknya terletak di Jalan Pantai Baru, Lembah Pantai namun tidak lama kemudiannya mula dipindahkan ke Bangunan Kayu di Kompleks Hospital Kuala Lumpur (HKL), sekali gus membawa kepada pengisytiharan HKL sebagai sebuah Hospital Pengajar

32 Lihat "Cabaran Urus Mayat Tiada Waris", *Sinar Harian*, 1 April 2021.

33 *Ibid.*

34 *Ibid.*

35 Laporan Tahunan Jabatan Kesihatan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, 1992, hlm. 41.

Fakulti Perubatan bagi penuntut UKM.<sup>36</sup> Memandangkan HKL telah menjadi Hospital Pengajar Fakulti Perubatan UKM maka pelajar-pelajar dari fakulti tersebut dapat mengikuti kelas-kelas perubatan bersama pengajar-pengajar yang bertauliah. Mereka juga berpeluang untuk melihat sendiri bagaimana pembedahan-pembedahan dilakukan oleh pakar-pakar yang lebih berpengalaman di HKL. Bukan itu sahaja, tetapi penuntut-penuntut di UKM juga berpeluang untuk melihat dan menggunakan sendiri peralatan moden yang digunakan oleh HKL untuk merawat pesakit. Pelajar-pelajar perubatan di HKL juga dapat melakukan latihan amali di HKL dan merasai sendiri pengalaman-pengalaman merawat pesakit-pesakit yang menghidap pelbagai penyakit sama ada penyakit kronik atau tidak. Hasilnya pada tahun 1979, UKM telah berjaya menghasilkan dan melahirkan kumpulan pertama Doktor Perubatan UKM di bawah seliaan dan pengajaran HKL sebagai hospital pengajar kepada universiti tersebut.<sup>37</sup> Begitu juga dengan pelajar perubatan UKM yang menjadi pelajar di HKL. Kesemuannya diserap masuk untuk berkhidmat di HKL dan menjadi doktor di hospital tersebut. Peluang pekerjaan ini menyebabkan HKL tidak lagi mengalami kekurangan kakitangan dan dapat memberikan rawatan kepada pesakit dengan lebih cepat dan mudah.

HKL memberi peluang pekerjaan dalam sektor kesihatan. Sejalan dengan rawatan moden dan canggih yang terdapat di HKL dan merupakan sebuah hospital yang besar serta menjadi tumpuan ramai pesakit seluruh Malaysia maka hospital tersebut turut membuka peluang pekerjaan kepada semua. Peluang pekerjaan yang disediakan oleh HKL adalah bagi menampung kakitangan-kakitangan pekerja yang kurang terutamanya pakar-pakar perubatan. Hal ini dikatakan demikian kerana HKL kekurangan pakar perubatan berikutan pertambahan pesakit yang kian ramai dari hari ke hari untuk mendapatkan rawatan di HKL kerana dikenali sebagai sebuah hospital yang telah lama bertapak, kelengkapan peralatan yang moden dan pakar yang berpengalaman menyebabkan pesakit percaya akan rawatan yang diberikan oleh HKL. Oleh itu, kesan daripada penubuhan HKL ini maka graduan perubatan berpeluang untuk bekerja di HKL.<sup>38</sup> Sebagai contoh, graduan lepasan perubatan UKM.<sup>39</sup>

HKL berperanan sebagai pelopor kepada kemajuan perubatan di Malaysia kerana menyediakan pelbagai rawatan. Jika dibandingkan dengan hospital-hospital yang lain di Malaysia, HKL juga merupakan sebuah hospital yang lebih maju ke hadapan. Hal ini dikatakan sedemikian kerana perkhidmatan perubatan yang ditawarkan di HKL memenuhi keperluan pesakit di situ. Kesan daripada penubuhan hospital ini maka pesakit-pesakit tidak lagi sukar untuk mendapatkan rawatan. Sebagai contoh, pesakit yang menghidap penyakit kanser yang kronik boleh mendapatkan rawatan di HKL kerana hospital tersebut merupakan sebuah hospital yang menjadi pusat rujukan bagi penyakit kanser memandangkan peralatan-peralatan yang disediakan di hospital tersebut adalah canggih dan lengkap.<sup>40</sup> Bukan itu sahaja, HKL juga dikatakan sebagai mercu tanda kemajuan perubatan penyakit di Malaysia kerana hospital ini telah berjaya melakukan pelbagai pembedahan untuk menyelamatkan nyawa pesakit.

---

36 Universiti Kebangsaan Malaysia, Sejarah Penubuhan, <https://hctm.ukm.my/sejarah-penubuhan/> (diakses pada 15 Mei 2023)

37 *Ibid.*

38 Universiti Kebangsaan Malaysia, Sejarah Penubuhan, <https://hctm.ukm.my/sejarah-penubuhan/> (diakses pada 15 Mei 2023).

39 *Ibid.*

40 Lihat Sejarah Pentadbiran Kementerian Kesihatan Malaysia, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur, hlm. 25.

Antaranya, kesan daripada penubuhan HKL ini dapat menyelamatkan bayi kembar Siam yang bertarung dengan nyawa setelah dilahirkan.

Dengan kelahiran pakar-pakar yang terdapat di HKL, maka mereka dapat menyelamatkan bayi-bayi tersebut. , HKL juga menjadi mercu tanda kepada kemajuan perubatan penyakit di Malaysia kerana kos rawatan dan perubatan yang dikenakan terhadap pesakit lebih murah berbanding kos rawatan yang dikenakan oleh hospital-hospital swasta.<sup>41</sup> Kesan daripada itu, maka ramai pesakit lebih memilih untuk mendapatkan rawatan di HKL berbanding dengan hospital swasta. Hal ini kerana kemudahan HKL adalah setanding dengan kemudahan-kemudahan yang terdapat di hospital swasta. Oleh itu, kesan daripada peningkatan pesakit di HKL menjadikan hospital tersebut sebagai mercu tanda kemajuan perubatan di Malaysia.

Kesan penubuhan HKL juga dapat dilihat apabila HKL berjaya merawat pesakit yang menghidap pelbagai jenis penyakit sama ada kronik atau kurang kronik. Berikutan mempunyai pakar dan peralatan yang moden maka HKL telah berjaya merawat pelbagai lapisan masyarakat sama ada berasal dari golongan atasan dan bawahan. Ini terbukti apabila terdapat wad khas di HKL untuk golongan atasan yang dikenali sebagai Wad Diraja yang digunakan oleh kerabat diraja yang sakit. Pakar yang merawat merupakan pakar-pakar yang sangat terlatih dan berpengalaman. Sejak awal penubuhan HKL lagi, dapat dilihat bahawa hospital ini merupakan sebuah hospital yang sememangnya dipercayai oleh golongan diraja. DYMM Sultan Johor iaitu Sultan Ismail pernah mendapatkan rawatan di HKL pada tahun 1967.<sup>42</sup> Baginda dimasukkan ke wad orang-orang kenamaan atau lebih dikenali sebagai Wad Diraja HKL dan mendapatkan rawatan dengan pakar-pakar yang berkhidmat di HKL.

Selain itu, terdapat juga ahli politik yang mendapatkan rawatan di HKL. Pada tahun 1978, bekas Menteri Besar Selangor, Dato' Harun Idris yang ketika itu sedang menjalani hukuman penjara pernah dimasukkan dan dirawat di HKL.<sup>43</sup> Bekas Perdana Menteri, Dato' Dr. Mahathir bin Mohamad juga pernah menjalani pembedahan *Coronary bypass* di HKL pada tahun 1989.<sup>44</sup> Kepercayaan terhadap golongan atasan yang mendapatkan rawatan di HKL telah meningkatkan taraf kesihatan penduduk di Malaysia apabila semakin ramai masyarakat yang menghidap pelbagai penyakit mula datang ke HKL bagi mendapatkan rawatan. Oleh yang demikian, kesan daripada penubuhan HKL maka hospital ini telah berjaya mengurangkan masalah kesihatan yang berkembang di Malaysia berikutan daripada sikap masyarakat yang mula peka terhadap kepentingan kesihatan.

HKL melahirkan semangat kerjasama antara satu sama lain. Sebagai contoh, mengadakan program derma darah bersama orang awam.<sup>45</sup> Program sebegini sangat bagus untuk dilakukan kerana dapat membantu dalam menampung bekalan darah memandangkan kebanyakan pusat rawatan di Malaysia terutamanya HKL kekurangan bekalan stok darah bagi merawat pesakit yang tercedera dalam kemalangan, bersalin dan sebagainya yang memerlukan darah yang banyak berikutan kekurangan darah dalam badan mereka.<sup>46</sup> Oleh

---

41 *Ibid.*

42 Lihat "Another Operation for Johore Sultan", *Eastern Sun*, 23 August 1967.

43 Lihat "Harun will keep his titles: Sultan", *New Nation*, 8 Mac 1978, hlm. 1.

44 Lihat "Mahathir Operation at General Hospital Kuala Lumpur", *The Straits Times*, 25 January 1989.

45 Laporan Tahunan Hospital Kuala Lumpur 1991, hlm. 31-33.

46 *Ibid.*

itu, kesan daripada program yang dijalankan oleh pihak HKL ini, sedikit sebanyak mampu menyelamatkan ribuan pesakit yang memerlukan darah untuk terus hidup.

### **Pencapaian Hospital Kuala Lumpur Dalam Aspek Rawatan dan Pembedahan**

Pencapaian yang berjaya dicapai oleh HKL membuktikan bahawa hospital ini bergiat aktif dalam menguruskan pembangunannya. Antara pencapaian yang dicapai oleh HKL dalam aspek pembedahan adalah pembedahan terhadap Yang di-Pertuan Agung. Pada Ogos 1982, Yang di-Pertuan Agung iaitu Al-Marhum Tuanku Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah ibni Al-Marhum Sultan Abu Bakar Ri-Ayatuddin Al-Mu'adzam Shah<sup>47</sup> telah dimasukkan ke Wad Diraja HKL kerana diserang penyakit apendiks secara mengejut.<sup>48</sup> Setelah doktor pakar HKL melakukan pemeriksaan didapati bahawa baginda menghidap penyakit apendiks. Apendiks merupakan satu organ yang seakan kantung terkeluar dari kolon di bahagian bawah dan kanan abdomen seseorang manusia. Radang pesakit yang diserang apendiks akan menjadi bengkak serta dipenuhi dengan nanah. Berikutan itu, Yang di-Pertuan Agung terpaksa menjalani pembedahan dengan segera di HKL.<sup>49</sup> Kejayaan HKL melakukan pembedahan *acute appendicitis* terhadap baginda membawa kepada pencapaian yang terbaik untuk HKL kerana telah mencipta sejarah melakukan pembedahan terhadap Yang di-Pertuan Agung buat pertama kalinya.

Pencapaian oleh HKL adalah dengan menubuhkan sebuah institut yang dikenali sebagai institut radioterapi, onkologi dan perubatan nuklear pada tahun 1960 yang dicituskan oleh Dato' Dr. S.K Dharmalingam yang merupakan seorang pakar perunding klinikal Onkologi HKL pada ketika itu.<sup>50</sup> Dari tahun ke tahun dilihat bahawa institut ini kian berkembang pesat dan menjadi semakin maju apabila pusat ini mampu merawat hampir 4000 kes kanser setiap tahun. Pencapaian yang berjaya dicapai oleh institusi ini juga bukan sahaja disebabkan mempunyai pakar-pakar yang bertauliah, namun turut didorong oleh peralatan-peralatan canggih yang terdapat di dalam institusi tersebut dari tahun ke tahun. Buktinya, pada akhir tahun 2001, peralatan *Linear Accelerator (Linac)* yang terkini, simulator Rawatan dengan kemudahan pengimejan dan digital bersepadu, serta Sistem Perancangan Rawatan 3-D telah dipasang dan ditauliahkan di bawah projek pakej Tiga Dalam Satu. Linac baru dilengkapi dengan kolimasi multiead yang membolehkan radioterapi konformal dan Intensiti Modulasi Radioterapi (IMRT) dapat dilaksanakan.

HKL juga merupakan antara hospital yang melakar sejarah di Malaysia apabila berjaya melakukan pembedahan bagi menyambung kembali anggota badan iaitu tangan yang putus. Pembedahan bagi menyambung kembali tangan ini yang dilakukan antara empat hingga sepuluh jam bukan sahaja memerlukan kepakaran dan pengalaman pakar bedah, tetapi juga memerlukan peralatan yang moden dan canggih. Pada tahun 1980, seorang pakar bedah dari Universiti Kebangsaan Malaysia yang berpusat di HKL berjaya melakukan pembedahan

47 Portal Rasmi Parlimen Malaysia, <https://www.parlimen.gov.my/yda-senarai-yang-di-pertuan-agong.html?uweb=yg&> (diakses pada 1 Jun 2023).

48 Lihat "King Resting in Hospital After Surgery", *The Straits Times*, 7 August 1982.

49 *Ibid.*

50 Hospital Kuala Lumpur, *Sempena 150 Tahun HKL Merentasi Masa Mencipta Kecemerlangan Di Pentas Global 1870-2020*.

bagi menyambung tangan Lee Kok Kuan berusia 22 tahun yang terputus pergelangan tangan kiri setelah diserang perompak di Setapak, Kuala Lumpur.<sup>51</sup> Pencapaian tersebut merupakan satu kebanggaan bagi HKL dalam melakukan pembedahan berskala besar seperti ini yang memerlukan kepakaran yang tinggi bagi menyambung semula saraf-saraf tangan yang terputus agar dapat berfungsi kembali seperti normal.

Selain itu, HKL telah berjaya melakukan pembedahan untuk memulihkan kerosakan lutut dengan menggunakan kaedah memasukkan *meniskus sintetik* bagi merawat pesakit tersebut. Kaedah rawatan menggunakan meniskus sintetik ini digunakan oleh seorang anggota Pasukan Simpanan Persekutuan (FRU) iaitu Koperal Adisura Syafriee Abdullah yang berusia 36 tahun. Beliau mengalami kecederaan lutut ketika bermain bola sepak pada tahun 2010. Pada tahun 2014, sekumpulan doktor pakar di HKL telah berjaya melakukan pembedahan terdapat pesakit tersebut dan mampu berjalan kembali serta dapat terlibat semula dalam sukan seperti biasa.

Selain pencapaian dalam aspek pembedahan, HKL juga dilihat turut berjaya mencapai kejayaan dalam aspek rawatan perubatan. Antaranya, HKL juga merupakan antara hospital terawal di Malaysia yang menyediakan rawatan pakar terhadap penyakit jantung dengan penubuhan Unit Sakit Jantung, HKL pada tahun 1973. Bagi menubuhkan unit tersebut, seorang pakar jantung dari United Kingdom iaitu Prof. Lawson MacDonald telah dibawa ke Malaysia bagi membuat penelitian terhadap kesediaan HKL bagi menubuhkan Unit Sakit Jantung.<sup>52</sup> Akhirnya HKL berjaya membuka pusat rawatan jantung dengan melantik beberapa pakar yang dihantar mendapat latihan di luar negara. Pada tahun 1977, Datuk Dr Nik Zainal Abidin Nik Abdul Rahman, telah mengasaskan Unit Pembedahan Jantung pertama di Malaysia di ketika bertugas di HKL. Beliau menjadi mentor kepada pakar-pakar jantung di Unit Kardiologi HKL yang menjadi hospital pelatih kepada pelajar Fakulti Perubatan. Kepakaran yang ada di HKL melibatkan pakar perubatan jantung, selain kemudahan pembedahan di HKL sehingga membolehkan hospital tersebut menjadi antara hospital terawal di Malaysia yang menyediakan rawatan bagi penyakit jantung di Malaysia. Pada tahun 1978, Menteri Perhubungan Indonesia, Leftenan Jeneral Ali Murtopo yang ketika itu berkunjung ke Malaysia atas urusan rasmi turut dimasukkan ke HKL setelah mengalami masalah jantung.<sup>53</sup> Malah mantan Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad sendiri telah menjalani pembedahan jantung di HKL pada tahun 1989.<sup>54</sup> Hal ini menggambarkan kepakaran yang dimiliki HKL dalam merawat penyakit jantung, di mana pesakit jantung boleh mendapatkan rawatan di HKL termasuklah pembedahan jantung tanpa perlu pergi ke luar negara.

Selain itu, HKL telah dijadikan sebagai sebuah pusat rujukan penyakit kanser. HKL banyak menerima kes rujukan dari luar Kuala Lumpur berkaitan penyakit kanser khususnya dari negeri-negeri Semenanjung Malaysia. Namun begitu, Jabatan Perubatan Nuklear, Radioterapi dan Onkologi yang ditubuhkan secara rasmi di HKL bernasib baik kerana dilengkapi dengan pelbagai kemudahan dan perkhidmatan untuk pengurusan kanser dan penjagaan yang memenuhi keperluan pesakit. Oleh yang demikian, HKL telah dijadikan sebagai satu pusat kesihatan yang menjadi rujukan dalam merawat penyakit kanser. HKL juga turut menggunakan

51 Lihat "Surgeons of Varsities Master Micro-Surgery", *The Straits Times*, 19 May 1980, hlm. 11.

52 Lihat "Unit Sakit Jantung Untuk Hospital KL", *Utusan Malaysia*, 15 Jun 1973.

53 Lihat "Murtopo in Hospital", *The Business Times*, 8 Julai 1978.

54 Lihat "Dr M Tunjuk Teladan", *Berita Harian*, 29 Januari 1989, hlm. 2.

teknologi yang moden untuk mengesan penyakit saraf otak. Alat pengesanan yang digunakan untuk mengesan penyakit tersebut dinamakan sebagai *Magnetoencephalography* (MEG) yang berharga RM11.8 juta telah ditempatkan di Makmal Klinik MEG/ERP Neuro Sains di hospital tersebut. Alat ini merupakan alat pertama yang digunakan di negara ini. Pada tahap awal penggunaannya, alatan ini telah berhasil merawat ramai pesakit yang mempunyai penyakit yang mempunyai kaitan dengan kanser otak<sup>55</sup> Oleh itu, dengan menggunakan alatan ini, maka HKL telah muncul sebagai sebuah pusat rujukan perubatan pertama yang menggunakan MEG di Asia Tenggara dalam pengesanan penyakit kanser otak.

HKL telah berjaya menyelamatkan seorang bayi perempuan yang lahir sewaktu usia kandungan baru mencecah 26 minggu pada tahun 2009. Bayi tersebut lahir secara pramatang dengan berat 600 gram sahaja.<sup>56</sup> Ini menyebabkan bayi tersebut perlu diletakkan di dalam inkubator Unit Rawatan Rapi di HKL selama lima bulan, dan selepas itu dipantau serta diberi rawatan selama dua bulan di Wad Pediatrik.<sup>57</sup> Kemampuan dan kecekapan doktor dan petugas HKL dalam merawat dan menguruskan bayi pramatang ini telah menyebabkan bayi tersebut berjaya diselamatkan.

Akhir sekali, seiring dengan perjalanan masa dan waktu, HKL dilihat semakin berkembang apabila sedikit demi sedikit pakar-pakar seperti doktor, jururawat dan sebagainya dibawa masuk untuk berkhidmat di HKL. Bukan itu sahaja, peralatan-peralatan yang lebih moden mula dibawa masuk untuk digunakan di HKL bagi merawat mereka. Pelbagai kejayaan juga berjaya dicapai oleh HKL seperti melakukan pembedahan yang berisiko terhadap nyawa pesakit demi menyelamatkan nyawa mereka. Ini menyebabkan HKL telah berjaya dianugerahkan sebagai *Best Hospital Brands Malaysia 2016*.<sup>58</sup> Penganugerahan ini sememangnya tepat kerana tiada hospital lain di Malaysia ketika itu yang berjaya memberikan perkhidmatan sebaik perkhidmatan yang diberikan oleh HKL dalam merawat pesakit, baik dari segi perkhidmatan doktor pakar dan juga kemudahan peralatan moden yang terdapat di hospital tersebut.

## Kesimpulan

Konklusinya, dapat dilihat bahawa HKL begitu komited dalam mengembangkan peranan institusi kesihatan apabila sentiasa mengikut arus pemodenan yang berlaku selaras dengan keperluan pesakit. Kewujudan bangunan HKL yang terletak di tengah-tengah bandar Kuala Lumpur adalah salah satu tarikan utama HKL bagi mereka untuk datang mendapatkan rawatan berikutan kedudukannya yang strategik iaitu terletak berdekatan dengan pelbagai kemudahan sama ada kemudahan pengangkutan awam atau kemudahan-kemudahan lain. Di samping itu, unit-unit kesihatan yang terdapat di HKL juga sentiasa bersedia untuk menyambut pesakit dengan layanan yang baik serta menawarkan servis perkhidmatan yang terbaik untuk

55 Hospital Kuala Lumpur, *Sempena 150 Tahun HKL Merentasi Masa Mencipta Kecemerlangan Di Pentas Global 1870-2020*, hlm. 32.

56 Lihat "Keajaiban Memang Wujud, Kata Ibu Kepada Bayi Paling Kecil di Malaysia", *Astro Awani*, 27 Oktober 2014.

57 *Ibid.*

58 Hospital Kuala Lumpur, *Hospital Kuala Lumpur, Sempena 150 Tahun HKL Merentasi Masa Mencipta Kecemerlangan Di Pentas Global 1870-2020*, hlm. 219.

pesakit. HKL juga berjaya menyelesaikan masalah dan cabaran yang dialami sepanjang beroperasi. Hampir kesemua masalah yang dihadapi oleh HKL juga berjaya diselesaikan hasil daripada sokongan dan kerjasama daripada semua pihak. Akhir sekali, HKL juga turut mampu mengekalkan tarafnya sebagai sebuah hospital yang utama di Malaysia kerana telah memberi banyak kejayaan dan sumbangan terhadap orang ramai dalam merawat pesakit. Bahkan, HKL juga mampu menyediakan persekitaran yang kondusif serta selesa untuk semua pesakit di Malaysia, dan tidak terhad kepada mereka yang tinggal di Kuala Lumpur sahaja. Oleh itu, perkembangan yang berlaku di HKL dari awal penubuhannya sehingga kini telah berjaya menjadikan HKL sebagai salah sebuah hospital kerajaan yang terulung di Malaysia sehingga ke hari ini.